



**TERENGGANU DARUL IMAN
TAMBAHAN PERUNDANGAN**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976

**Tr. P.U. 22/90
UNDANG-UNDANG KECIL
KERAJAAN TEMPATAN
(IKLAN PILIHANRAYA)
(MAJLIS DAERAH SETIU) 1990**

Tarikh diterbitkan dalam Warta :
Tarikh mula berkuatkuasa :

30 Ogos 1990
1 September 1990



**TERENGGANU
TAMBAHAN PERUNDANGAN**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

Tr. P.U. 22/90

**UNDANG-UNDANG KECIL KERAJAAN TEMPATAN
(IKLAN PILIHANRAYA) (MAJLIS DAERAH SETIU) 1990**

Tarikh diterbitkan dalam Warta :

30 Ogos 1990

Tarikh mula berkuatkuasa :

1 September 1990

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Mukadimah

- Undang-undang kecil 1. Nama dan pemakaian
- Undang-undang kecil 2. Tafsiran
- Undang-undang kecil 3. Larangan ke atas pameran iklan pilihanraya
- Undang-undang kecil 4. Permohonan untuk permit
- Undang-undang kecil 5. Bentuk dan jangkamasa permit
- Undang-undang kecil 6. Daftar permit
- Undang-undang kecil 7. Pengalihan iklan pilihanraya selepas hari mengundi
- Undang-undang kecil 8. Pengalihan iklan pilihanraya oleh Yang Dipertua
- Undang-undang kecil 9. Perlucuthakkan deposit
- Undang-undang kecil 10. Cara mempamerkan iklan pilihanraya
- Undang-undang kecil 11. Larangan terhadap mempamerkan iklan pilihanraya di tempat-tempat tertentu
- Undang-undang kecil 12. Kesalahan dan penalti am

JADUAL I

JADUAL II

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Yang Dipertua Majlis Daerah Setiu membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut pihak berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

(1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Majlis Daerah Setiu) 1990** dan hendaklah mulai berkuatkuasa pada 1 September, 1990.

(2) Undang-undang kecil ini hendaklah terpakai bagi Majlis Daerah Setiu sahaja.

2. Tafsiran.

Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain :-

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Setiu dan termasuk Timbalan Yang Dipertua;

"hari mengundi", berhubungan dengan sesuatu pilihanraya, ertinya hari yang ditentukan dalam writ bagi pilihanraya itu untuk pengundian dilakukan;

"iklan pilihanraya" ertinya apa-apa bendera, merual, tetunggul, panji-panji, cogan kata, poster atau label yang dipamerkan sebagai atau bagi maksud diayah politik;

"parti politik" mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Pertubuhan 1966;

"permit" ertinya permit untuk mempamerkan iklan pilihanraya yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4;

"pilihanraya" ertinya suatu pilihanraya bagi memilih seorang Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri;

"writ" ertinya writ bagi pilihanraya yang dikeluarkan di bawah seksyen 12 Akta Pilihanraya 1958.

3. Larangan ke atas pameran iklan pilihanraya.

Tiada seorang pun boleh mempamerkan atau menyebabkan dipamerkan apa-apa iklan pilihanraya di mana-mana lebuhraya atau tempat kecuali di bawah dan mengikut permit yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua.

4. Permohonan untuk permit.

- (1) Sesuatu permohonan untuk permit bagi mempamerkan apa-apa iklan pilihanraya hendaklah dibuat kepada Yang Dipertua:
 - (a) Oleh parti politik yang berhasrat untuk meletakkan calon dalam bahagian pilihanraya berkenaan; atau
 - (b) Jika orang yang bertanding dalam pilihanraya itu tidak mempunyai gabungan politik, oleh orang itu sendiri.
- (2) Sesuatu permohonan di bawah perenggan (1) hendaklah di buat dalam borang yang diperuntukkan di Jadual I kepada undang-undang kecil ini atau dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Yang Dipertua, dari masa ke semasa, yang difikirkannya perlu.
- (3) Apabila menerima permohonan itu, Yang Dipertua hendaklah, atas pembayaran jumlah wang sebanyak lima puluh ringgit sebagai deposit bagi pematuhan syarat-syarat permit dan peruntukan-peruntukan undang-undang kecil ini, mengekuarkan kepada pemohon suatu permit dalam bentuk yang diperuntukkan di Jadual II bagi mempamerkan iklan pilihanraya dalam kawasan-kawasan yang dinyatakan dalam permit.
- (4) Yang Dipertua boleh melampirkan, pada mana-mana permit yang dikeluarkan di bawah perenggan (3), apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan.
- (5) Pemegang permit hendaklah mematuhi segala syarat yang dilampirkan pada permit itu.

5. Bentuk dan jangkamasa permit.

Suatu permit yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 hendaklah dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Yang Dipertua dan hendaklah habis tempohnya pada hari yang berikutan hari mengundi.

6. Daftar permit.

Yang Dipertua hendaklah menyebabkan disimpan dan disenggarakan dalam apa-apa bentuk dan mengikut apa-apa cara yang ditentukannya, suatu daftar bagi segala permit yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4.

7. Pengalihan iklan pilihanraya selepas hari mengundi.

Tiap-tiap pemegang permit hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas hari mengundi, mengalihkan segala iklan pilihanraya yang dipamerkan dan segala papan tanda atau struktur lain yang didirikan olehnya.

8. Pengalihan iklan pilihanraya oleh Yang Dipertua.

- (1) Yang Dipertua boleh mengalihkan apa-apa iklan pilihanraya atau apa-apa papan tanda atau struktur lain yang didirikan bagi maksud mempamerkan iklan pilihanraya itu jika:
 - (a) pemegang permit gagal mematuhi kehendak-kehendak undang-undang kecil 7; atau
 - (b) dia berpuas hati bahawa iklan pilihanraya itu dipamerkan tanpa permit.
- (2) Segala perbelanjaan yang dilakukan oleh Yang Dipertua dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh perenggan (1) hendaklah disifatkan sebagai hutang yang kena dibayar kepada Yang Dipertua oleh pemegang permit atau, jika iklan pilihanraya itu dipamerkan tanpa permit, oleh orang yang menyebabkan iklan pilihanraya itu dipamerkan sedemikian, dan bolehlah didapatkan kembali dalam mahkamah dengan sewajarnya.

9. Perlucuthakkan deposit.

- (1) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan lain dalam undang-undang kecil ini, jika:
 - (a) terdapat suatu pelanggaran apa-apa syarat permit; atau
 - (b) terdapat apa-apa pelanggaran atau ketakpatuhan mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini,

Yang Dipertua hendaklah melucuthakkan deposit yang dibayar di bawah undang-undang kecil 4 jika, selepas memberikan pemegang permit suatu peluang untuk

didengar, dia gagal memuaskan hati Yang Dipertua tentang kenapa deposit itu tidak sepatutnya dilucuthakkan.

- (2) Apa-apa deposit yang tidak dilucuthakkan di bawah perenggan (1) hendaklah dikembalikan kepada pemegang permit tanpa apa-apa faedah selepas empat belas hari dari masa habisnya tempoh permit itu.

10. Cara mempamerkan iklan pilihanraya.

Sesuatu iklan pilihanraya hendaklah dipamerkan mengikut mana-mana cara yang berikut sahaja :

- (a) dengan melekatkannya pada suatu papan tanda atau struktur lain yang didirikan atau diletakkan oleh pemegang permit;
- (b) dengan menggantungkan iklan pilihanraya itu di sepanjang mana-mana lebu, pada pancang-pancang yang didirikan oleh pemegang permit;
- (c) dengan menanam penopang iklan pilihanraya itu ke dalam mana-mana paras tanah selain daripada laluan jalan kaki yang diubinkan atau kaki lima; atau
- (d) dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Dipertua dalam permit.

11. Larangan terhadap mempamerkan iklan pilihanraya di tempat-tempat tertentu.

Walau apa pun apa-apa peruntukan lain dalam undang-undang kecil ini, tiada seorang pun boleh :

- (a) mempamerkan apa-apa iklan pilihanraya atau membina atau mendirikan apa-apa papan tanda atau struktur lain mengikut apa-apa cara sehinggakan ia meliputi atau melindungi apa-apa isyarat lalulintas, tanda arahan atau lampu perhiasan;
- (b) mempamerkan apa-apa iklan pilihanraya atas atau merintanginya mana-mana lebu; atau
- (c) mempamerkan apa-apa iklan pilihanraya pada mana-mana bangunan awam atau struktur lain dengan menggunakan paku, gam atau pelekat lain, atau dengan apa-apa cara lain yang akan merosakkan atau mencacatkan permukaan bangunan atau struktur itu.

12. Kesalahan dan penalti am.

Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini dan boleh dikenakan, apabila bdisabit, denda tidak melebihi dua ribu ringgit.

JADUAL I

UNDANG-UNDANG KECIL KERAJAAN TEMPATAN (IKLAN PILIHANRAYA) (MAJLIS DAERAH SETIU) 1990

BORANG PERMOHONAN
(Undang-undang Kecil 4 (2))

Yang Dipertua
Majlis Daerah Setiu

Tuan,

*Kami / Saya
(Nama penuh dengan huruf besar)
beralamat saya (orang yang tiada
gabungan dengan mana-mana parti politik)
No.K.P.: beralamat
Memohon mendapat permit untuk mempamerkan iklan pilihanraya di bawah undang-undang
kecil 4 Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan Majlis Daerah Setiu.

2. Jenis iklan
dipamerkan dengan cara
di kawasan

3. Kami / saya lampirkan wang sebanyak lima puluh ringgit sebagai deposit bagi pematuhan
syarat-syarat permit dan peruntukan undang-undang kecil tersebut.

Tarikh :

.....
Tandatangan pemohon

JADUAL II

(Undang-undang Kecil 4 (3))

PERMIT IKLAN PILIHANRAYA

No. Permit : Rujukan Fail :

Nama :

Alamat :

Adalah dibenarkan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Setiu untuk mempamerkan iklan / iklan pilihanraya berikut:

- (1)
- (2)
- (3)
- (4)

dengan cara

di kawasan-kawasan berikut :

- (1)
- (2)
- (3)
- (4)

Permit ini adalah berkuatkuasa sehingga hari yang berikutan hari mengundi, tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- (1)
- (2)
- (3)
- (4)

Bertarikh

haribulan

19

YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH,
SETIU

Diperbuat oleh Majlis Daerah Setiu dalam mesyuaratnya pada 21 Ogos 1990.

DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN MANSOR,
*Yang Dipertua,
Majlis Daerah,
Setiu*

[Ruj. MDS. 3/11]

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 22 Ogos 1990.

[SUK. TR. 1200/371; PUN. TR. 85/3/14]

OSMAN BIN MUDA,
*Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Terengganu*